



13 FEB, 2022

Anggota kastam dipasang kamera badan mulai Jun

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Anggota kastam dipasang kamera badan mulai Jun

Fasa pertama tumpu penguat kuasa di KLIA, stesen sempadan

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilengkapi peralatan kamera badan bermula Jun ini dalam usaha menangani salah laku dalam kalangan anggota pasukan beruniform itu.

Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir,

berkata pihaknya kini dalam proses perolehan untuk mendapatkan peralatan berkenaan.

“Kita jangka dalam tahun ini, mungkin Jun depan, kita kini sedang dalam proses perolehan. Untuk fasa pertama, kamera badan itu akan dipasang kepada lebih 100 penguat kuasa dan pegawai di barisan hadapan seperti di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan stesen sempadan.

“Kita akan buat pelaksanaan (pemasangan kamera badan) secara berperingkat-peringkat kerana ia membabitkan bajet yang agak besar,” katanya pada Majlis Jalinan Kasih Keluarga Malaysia (Tanggungjawab Sosial Korporat) JKDM Terengganu Bersama Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Kastam di

sini, semalam.

Pada 6 Disember lalu, Timbalan Menteri Kewangan 1, Mohd Shahar Abdullah ketika menjawab soalan pada persidangan Dewan Rakyat, memaklumkan penguat kuasa JKDM akan dilengkapi peralatan kamera badan.

Selain sebagai usaha menangani salah laku dalam kalangan pasukan beruniform itu, langkah berkenaan juga bagi meningkatkan integriti pasukan, selain usaha menyelamatkan anggota jabatan itu yang kerap dituduh terbabit dalam aktiviti rasuah.

“Adalah tidak adil menuduh anggota kastam terbabit rasuah menyebabkan negara kehilangan hasil daripada penyeludupan rokok dan arak.

“Mengaitkan isu rasuah, pe-

nyeludupan dengan pegawai kastam adalah tidak adil, sedangkan JKDM kini melaksanakan pelbagai pelan strategik untuk mengatasi masalah penyeludupan rokok dan arak ini,” kata Mohd Shahar seperti dilaporkan.

Terdahulu pada 19 November, Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dijangka dilengkapi peralatan kamera badan bermula tahun ini dalam usaha meningkatkan integriti pasukan keselamatan itu ketika menjalankan tanggungjawabnya.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin dipetik berkata, perolehan kamera badan itu di bawah pelan pelaksanaan pemasangan kamera badan yang mana ia membabitkan cadangan perolehan sebanyak 2,168 unit kamera jenis 4G.



13 FEB, 2022

Anggota kastam dipasang kamera badan mulai Jun

Berita Harian Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Fasa pertama tumpu penguat kuasa di KLIA, stesen sempadan

Kuala Terengganu: Penguat kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dijangka dilengkapi peralatan kamera badan bermula Jun ini dalam usaha menangani salah laku dalam kalangan anggota pasukan beruniform itu. Ketua Pengarah JKDM, Datuk Seri Abdul Latif Abdul Kadir,

berkata pihaknya kini dalam proses perolehan untuk mendapatkan peralatan berkenaan. "Kita jangka dalam tahun ini, mungkin Jun depan, kita kini sedang dalam proses perolehan.